

**Lawatan Agong ke Singapura Tingkatkan Hubungan Dua Hala - Duta
Bernama
Mei 22, 2014**

SINGAPURA, 22 Mei (Bernama) -- Lawatan negara Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ke republik ini berjaya meningkatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura.

Perkara ini dinyatakan Pesuruhjaya Tinggi Singapura di Malaysia Ong Keng Yong dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura Datuk Husni Zai Yaacob.

Tuanku Abdul Halim dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah, yang memulakan lawatan pada Ahad, bagaimanapun terpaksa berangkat pulang ke tanah air pada Rabu, sehari lebih awal daripada yang dijadual.

Ini berikutan kemangkatan Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah Tan Sri Tunku Annuar Sultan Badlishah, adinda kepada Tuanku Abdul Halim.

"Secara umumnya, lawatan baginda amat berjaya. Saya yakin lawatan diraja itu juga mencerminkan dimensi hubungan yang terjalin antara rakyat dengan rakyat kita. Kami amat berbesar hati kerana baginda berkenan berkunjung ke Singapura. Kami rasa lawatan baginda berjaya mengukuhkan lagi hubungan antara kita," kata Ong.

"Lawatan Tuanku Abdul Halim berjaya mengeratkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara. Ia juga memberi peluang kepada baginda untuk bertemu para pemimpin Singapura," kata Husni Zai.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1040436>